



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

12 JULAI 2023 (RABU)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

12 JULAI 2023 (RABU)

**KPDN tegaskan tiada kenaikan
harga barang keperluan asas »4**



KPDN tegaskan harga barang tidak naik

Oleh MARLLISA ANTTONY
marllisa.anttony@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) menegaskan tiada kenaikan harga barang keperluan asas seperti yang didakwa sesetengah pihak.

Malah menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub memberi jaminan barang bersubsidi seperti minyak masak peket, ayam bulat, telur, RON 95 dan diesel tidak akan dinaikkan harga.

“Dalam bulan ini sahaja sudah tujuh atau lapan kali kami mengadakan lawatan terus ke pasar raya, pasar raya besar, pasar basah, kedai runcit dan pasar mini di beberapa kawasan di seluruh negara.

“Ada dakwaan barang-barang keperluan rakyat naik mendadak, untuk lebih bertanggungjawab, kami pergi sendiri membuat tinjauan dan bukan kerana tuduhan itu pun, tetapi ia memang tanggungjawab KPDN setiap hari untuk memantau dan mengawal harga barang asas rakyat,” katanya dalam sidang akbar tinjauan harga barang di Econsave Setapak Central, di sini, semalam.

Menurutnya, KPDN memantau harga bagi 480 item dengan 186 item dipantau secara harian.

Katanya, data harga runcit dikutip setiap hari di lebih 1,400 permis dan kebanyakan item adalah stabil bagi empat bulan terkini.

“Bagi 61 item barang import yang dipantau, sebanyak 50 item (82 peratus) berada dalam harga yang stabil termasuk 28



SALAHUDDIN Ayub melihat harga sayur kangkung yang ditawarkan oleh pasar raya Econsave Setapak Sentral ketika membuat tinjauan semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

item mengalami penurunan harga seperti ayam belanda, daging lembu blade, ubi kentang russet dan lobak merah.

“Sehingga Jun ini, sebanyak 440,327 bilangan pemeriksaan dilaksanakan dan merekodkan 854 kes dan RM11.8 juta nilai rampasan,” katanya.

Salahuddin turut berkata, beberapa minggu lalu memang terdapat kekurangan bekalan gula di seluruh pantai timur pada awal Hari Raya Aidiladha kerana permintaan yang tinggi.

“Namun, melalui Ops Manis, harga gula kembali stabil dan kami tidak menerima apa-apa

laporan semasa perayaan tersebut.

“Pada masa yang sama, barang keperluan asas yang tidak disubsidi, harganya tetap dikawal dan kami mengadakan libat urus dengan pemain industri.

“Sekiranya rakyat masih melihat terdapat kedai-kedai yang menaikkan harga secara melampau, mereka boleh membuat laporan kepada KPDN dan kami akan mengambil tindakan serta-merta.

“Terdapat dakwaan mengatakan kenaikan harga barang seisi rumah sehingga RM500

berbanding dulu hanya RM200. Saya telah memilih 27 barang asas itu hari ini dan keseluruhan hanya mencecah RM305.

“Ini Econsave, mungkin tempat lain ada naik sikit tetapi kalau naik pun dalam RM350 sahaja, kalau rakyat hendak membeli beras Basmathi yang berharga RM45 bagi 5kg itu terpulang kepada masing-masing.

“Rakyat perlu bertengang dan jangan mudah terpengaruh dengan serangan-serangan yang mungkin berobjektif untuk menghadapi pilihan raya negeri (PRN) bagi enam negeri,” katanya.

Inflasi negara tunjukkan trend menurun

Kuala Lumpur: Kenaikan harga barang dan perkhidmatan atau inflasi didakwa berada pada kadar yang lebih rendah sejak Kerajaan Perpaduan mengambil alih tumpukan pentadbiran negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata sejak awal tahun ini, inflasi menunjukkan trend mereda, dengan kadarnya pada Mei lalu adalah 2.8 peratus.

Berbanding April lalu, katanya, kadar inflasi pada bulan itu adalah 3.3 peratus, manakala Mac mencatatkan 3.4 peratus dan 3.7 peratus masing-masing direkodkan pada Februari dan

Januari lalu.

"Kalau inflasi yang dinyatakan ini adalah lebih rendah jika dibanding pada November 2022 sebelum Kerajaan Perpaduan memerintah di mana inflasi pada masa itu berada pada kadar 4.0 peratus," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mengulas inflasi pada Mei lalu yang mereda, Salahuddin berkata, ia disumbangkan antaranya oleh inflasi kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol yang mereda pada 5.9 peratus, berbanding 6.3 peratus pada April.

Subkumpulan makanan di rumah pula, jelasnya mencatatkan



Prestasi inflasi menurun dapat menekan kenaikan harga makanan dan keperluan asas yang tidak terkawal. (Foto hiasan)

kadar inflasi lebih rendah iaitu pada 4.3 peratus (Mei lalu) berbanding 5.0 peratus (April lalu).

Sementara subkumpulan makanan di luar rumah kekal

pada kadar 8.1 peratus bagi April dan Mei 2023.

"Prestasi inflasi yang semakin baik ini adalah hasil usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Per-

paduan bagi menekan kenaikan harga yang tidak terkawal, terutama bagi barang makanan dan barang keperluan asas," katanya.

KPDN turut kawal harga barang tidak bersubsidi setiap hari

Kerajaan jamin harga barang tak naik

KUALA LUMPUR — Kerajaan memberi jaminan tidak akan berlaku sebarang kenaikan harga barang secara melampau sehingga hujung tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, jaminan itu bersandarkan hasil libat urus melibatkan 30 pemain industri yang diadakan di kementeriannya baru-baru ini.

Katanya, jika berlaku sebarang kenaikan, pihak industri akan kembali mengadakan rundingan dengan kerajaan untuk melihat rasional berhubung perkara itu.

"Setakat ini, tidak berlaku sebarang kenaikan melibatkan barang asas bersubsidi. Bagi barang yang tidak ada subsidi, kita kawal harganya setiap hari.

"Tidak ada negara di dunia ini yang mengawal semua harga barang. Apa yang ada adalah kerajaan bertanggungjawab mengawal beberapa barang asas rakyat.



SALAHUDDIN (dua dari kanan) beramah mesra bersama pembeli ketika meninjau harga barang keperluan asas di Econsave Setapak Sentral, Kuala Lumpur semalam. — AFIQ RAZALI

Itu yang kita buat termasuk di Malaysia.

"Jadi, jika berlaku fenomena bencana alam, banjir besar dan sebagainya, kita akan pastikan pada masa itu tindakan apakah yang perlu untuk dilakukan," katanya pada sidang akhbar selepas meninjau harga barang di Econsave Setapak Sentral, di sini semalam.

Dalam pada itu, Salahuddin turut menafik dakwaan akan berlakunya kenaikan harga barang pada Ogos sebagaimana yang tular ketika ini.

Terdahulu media melaporkan Dewan Perniagaan dan Industri India Kuala Lumpur dan Selangor (KLSICCI) menjangkakan harga barang pengguna bakal meningkat sehingga 20 peratus menjelang Oktober tahun ini dengan didorong dua faktor utama iaitu inflasi import dan peningkatan kos operasi perniagaan di Malaysia.



JAMIN TIADA KENAIKAN MELAMPAU

■ Kerajaan beri jaminan tidak akan berlaku kenaikan melampau harga barang asas sehingga hujung tahun ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

■ Jaminan itu dibuat berdasarkan libat urus yang diadakan kementeriannya bersama pemain industri, susulan timbul dakwaan baru-baru ini yang mengatakan harga barang keperluan rakyat akan naik mendadak.

3

Tak naik hingga hujung tahun

Kerajaan jamin tiada kenaikan melampau harga barang

Oleh FARAH SYAZWANI ALI
KUALA LUMPUR

Kerajaan memberi jaminan tidak akan berlaku kenaikan harga barang yang melampau sehingga hujung tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, ia bersandarkan hasil libat urus melibatkan 30 pemain industri pada minggu lepas.

Menurutnya, jika berlaku kenaikan, pihak industri akan kembali berunding dengan kerajaan untuk melihat rasionalnya.

"Setakat ini, tidak berlaku kenaikan melibatkan barang asas bersubsidi. Bagi barang yang tidak ada subsidi, kita kawal harganya setiap hari.

"Tidak ada negara di dunia ini yang mengawal semua harga barang. Apa yang ada adalah kerajaan bertanggungjawab mengawal beberapa barang asas rakyat itu yang kita buat.

"Jadi, jika berlaku bencana alam, banjir besar dan sebagainya, kita akan pastikan pada masa itu tindakan apa yang perlu dilakukan," katanya dalam sidang akbar selepas meninjau harga barang di Econsave Setapak Sentral



Salahuddin melakukan tinjauan harga barang di Econsave Setapak Sentral pada Selasa.

di sini pada Selasa.

Tambah Salahuddin, program turun padang itu dibuat bagi meninjau sendiri situasi sebenar harga barang di pasaran, susulan dakwaan berlaku kenaikan.

"Sebenarnya, tinjauan ini adalah rutin setiap hari, kita pantau kawalan harga barang asas rakyat. Tapi untuk lebih bertanggungjawab, Kerajaan Madani pergi sendiri (melihat kebenaran dakwaan).

"Hasil tinjauan, kementerian dapatkan barang bersubsidi tidak pernah naik harga dan

tidak mungkin naik buat masa ini," ujarnya.

Sementara itu katanya, semenjak Kerajaan Perpaduan mengambil alih perintahan negara, kenaikan harga barang dan perkhidmatan atau inflasi adalah pada kadar yang lebih rendah.

Jelas beliau, inflasi pada 2023 terus mereda, di mana kadar inflasi pada Mei 2023 adalah 2.8 peratus berbanding 3.3 peratus (April 2023), 3.4 peratus (Mac 2023) dan 3.7 peratus (Februari dan Januari 2023).

Kadar inflasi pada November 2022 sebelum Kerajaan Perpaduan memerintah pula ialah sekitar 4 peratus.



Harga barang tak naik hingga hujung tahun

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi jaminan tidak akan berlaku kenaikan harga barang yang melampau sehingga hujung tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, jaminan itu dibuat berdasarkan libat urus yang diadakan kementeriannya bersama pemain industri, baru-baru ini.

Menurutnya, jika ada 'permintaan' untuk menaikkan harga barang, perkara itu akan dibawa ke 'meja rundingan' terlebih dahulu untuk dibincangkan.

"Berdasarkan libat urus, kita sudah panggil 30 industri di kementerian minggu lalu, mereka semacam memberikan kata sepakat tidak mungkin berlaku kenaikan (harga) yang melampau.

"Kalau ada pun, kita akan runding kembali untuk kita

lihat harga-harga terbabit," katanya pada sidang media selepas melakukan tinjauan di sebuah pasar raya besar di Setapak di sini, semalam.

Mengulas program turun padang yang dilakukannya, Salahuddin berkata, ia adalah lawatan rutin untuk meninjau sendiri situasi sebenar di pasar raya, kedai rungit dan premis berkaitan di seluruh negara.

Katanya, ia selepas timbul dakwaan mengatakan harga barang keperluan rakyat akan naik mendadak, baru-baru ini.

"Untuk kami lebih bertanggungjawab, maka Kerajaan Madani pergi sendiri (turun padang). Bukan kerana tuduhan itu, memang tanggungjawab KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) setiap hari, kita pantau kawalan harga barang atas rakyat," katanya.



PIC BY GHAZALI KORI

Govt vows to steady food prices as inflation dips to 2.8pc

DOMESTIC Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub says monitoring of 480 items in over 14,000 premises nationwide shows prices have remained stable for the past four months.

» REPORT ON PAGE 2

Price of essential goods will not go up this year

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Prices of essential goods, especially subsidised items, will remain stable throughout the year, says Datuk Seri Salahuddin Ayub.

The Domestic Trade and Cost of Living Minister said the ministry's surveys indicated that chicken, eggs, RON95 and diesel prices remain the same.

"The subsidised packet cooking

oil sold for RM2.50 is also not rising, and the price of bottled cooking oil is also not rising, and some sell it lower than the price set," he said at a press conference yesterday after inspecting the prices of goods at Econsave supermarket in Setapak, here.

Meanwhile, Salahuddin confirmed that his ministry had not received any complaints about price increases, and he refuted allegations made in a news report recently regarding cur-

rent price hikes.

However, he urged the public to promptly report any rise in the prices of essential goods at supermarkets or grocery stores to his ministry for immediate action.

He also did not rule out the possibility that there were people who deliberately play up the issue of price increases ahead of the upcoming state elections in the six states.

In response to media reports

suggesting a potential 20% price increase in goods by the third-quarter of this year with higher import prices and operating costs, Salahuddin said the ministry was aware of the situation and that he would continue to monitor the prices of goods.

He added that the government would regulate food prices to ensure businesses would sell at reasonable rates, particularly for essential items.

Salahuddin said the ministry

found through Ops Manis that the price of sugar is still stable as of the recent Hari Raya Aidiladha, and the ministry has not received any complaints concerning sugar shortage.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com



No extreme price hikes this year: Minister

KUALA LUMPUR: The government has given an assurance that prices of essential goods, especially subsidised items, will not see an extreme rise this year.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said this includes prices of controlled items, such as sugar, and non-controlled items like bottled cooking oil.

"The Domestic Trade and Cost of Living Ministry has the responsibility

of monitoring the prices of essential goods daily, and so far, our observations have shown that prices of subsidised items like eggs, chicken, RON95 petrol and diesel have not gone up.

"Subsidised cooking oil in packets is still being priced at RM2.50 each. Similarly, the price of bottled cooking oil has also seen no increase. Some are selling lower than the ceiling price," he said after inspecting the prices of goods at a hypermarket

here yesterday, Bernama reported.

Salahuddin said the ministry had not received any complaints on prices of consumer goods so far, refuting claims from several parties about price increases.

He urged the public to report to the ministry if they find any price hike involving essential goods in supermarkets or grocery stores.

"Report it directly to the ministry and we will take immediate action."

He advised the public not to be

easily influenced by any of the Opposition's claims, given the upcoming state elections.

On media reports about a projected 20% increase in the prices of goods in October, Salahuddin said the ministry was aware of the matter and would continue monitoring the situation, especially prices of staples.

The 20% increase was projected due to two main factors - import inflation and the rising cost of business operations in Malaysia.

Spekulasi harga barang naik hanya pendapat peribadi



RAKYAT tidak perlu terlalu risau dengan spekulasi kenaikan harga barang sehingga 20 peratus menjelang Oktober ini kerana ia hanyalah pendapat peribadi pihak pengeluar dan penjual. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

Fenomena kenaikan harga barang ini juga adalah sesuatu yang lumrah dihadapi oleh negara-negara lain."

dan Melayu.

Kenyataan Ameer selaku pihak penjual pula walaupun juga tidak mewakili kesemuanya penjual lain, dilihat lebih membumi ke bawah dengan membuat jangkaan kenaikan harga barang yang jauh lebih rendah, namun pada dasarnya memperjuangkan hasrat peniaga merijaya keuntungan.

Hakikat bahawa kenyataan kedua-dua mereka tidak mewakili pemain industri lain terbukti bila Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata, hasil libat urus kementeriannya dengan 30 pemain industri pada minggu lepas membolehkan kerajaan memberi jaminan tidak akan berlaku kenaikan harga barang yang melampau sehingga hujung tahun ini.

Namun begitu, kenyataan Ameer pada masa sama

merupakan satu pengakuan kepada usaha murni kerajaan memperjuangkan nasib golongan pekerja dengan menaikkan kadar gaji minimum mereka daripada RM1,200 ke RM1,500 yang sepatutnya disambut baik oleh rakyat.

Bukan sahaja kadar gaji minimum golongan pekerja yang dinaikkan, malah banyak lagi bantuan lain turut dinaikkan oleh kerajaan bagi membantu rakyat menangani kenaikan kos sara hidup dan ini membuktikan keprihatinan kerajaan ke atas nasib mereka. Antaranya Sumbangan Tunai Rahmah yang dinaikkan sehingga RM2,500; Bantuan Awal Persekolahan dinaikkan menjadi RM150; e-dompet dinaikkan menjadi RM200 dan eluan sara hidup pelajar Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dinaikkan menjadi RM1,100.

Begini juga bantuan kepada golongan lain yang turut dinaikkan, iaitu eluan 35,000 guru kelas al-Quran dan fardu ain (KAFA) menjadi RM1,100 sebulan, dan sumbangan kepada imam, bilal, tok siak, noja, marbut, guru KAFA serta guru takmir menjadi RM600 sebulan.

MADANI

Kerajaan juga memperkenalkan tiga inisiatif baru bagi menurunkan

harga barang, iaitu Jualan Madani dengan diskon sehingga 30 peratus bagi barang mentah; Menu Rahmah dengan harga makanan siap serendah RM5; serta Insurans dan Takaful Rahmah serendah RM5 sebulan.

Perkhidmatan percuma juga diberi kepada rakyat, iaitu rawatan percuma di klinik swasta terpilih; perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) percuma kepada pelajar dan orang kurang upaya (OKU); serta permohonan kemasukan ke universiti menerusi UPUOnline percuma.

Oleh sebab itu, jika pun ada kenaikan harga barang, intervensi yang dilakukan oleh kerajaan dengan menaikkan kadar bantuan kepada pelbagai golongan, menurunkan harga barang tertentu dan memberi perkhidmatan percuma sepatutnya mampu menangani kenaikan harga ini.

Fenomena kenaikan harga barang ini juga adalah sesuatu yang lumrah dihadapi oleh negara-negara lain yang mengalami penurunan nilai mata wangnya. Cuma dalam konteks Malaysia, ia tidaklah teruk kerana kadar inflasi tidaklah seterus di beberapa negara lain.

Seperti diumumkan,

inflasi Malaysia menurun kepada 2.8 peratus pada Mei lalu berbanding 3.3 peratus pada April 2023 manakala inflasi keseluruhan pada suku pertama 2023 juga semakin turun kepada 3.6 peratus berbanding 3.9 peratus pada suku keempat 2022.

Di samping itu, beberapa petunjuk utama ekonomi negara lain seperti kadar pertumbuhan, kadar kemasukan pelaburan asing dan kadar pengangguran juga semakin membaik. Pada masa sama, kerajaan sedang bekerja keras untuk memulihkan nilai ringgit seperti asal.

Oleh itu, inflasi import disebabkan kenaikan pelbagai harga barang import ini bukanlah sesuatu yang akan berterusan. Dan kerajaan juga sedang mengambil pelbagai langkah serius untuk mengelakkan kenaikan harga barang yang keterlaluan ketika ini.

Komitmen kerajaan terbukti melalui mekanisme pengwujudan kawalan harga barang disertai oleh pemantauan lebih kerap pihak berkuasa ke atas kenaikan harga serta penyediaan ruang untuk rakyat melaporkan sebarang kenaikan harga yang berlaku di tempat mereka.

Dua kementerian, iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memainkan peranan penting dalam hal ini dengan memastikan aktiviti pencatutan dan monopoli tidak berlaku serta bekalan mencukupi. Mungkin ada rahmatnya juga masalah sebegini berlaku kerana ia membuat kerajaan kini mula memikirkan strategi jangka panjang untuk membangunkan industri pertanian dalam negara bagi memastikan bekalan kita di masa hadapan tidak lagi terjejas oleh perubahan dunia.

DR. Mazlan Che Soh ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan-Kampus Seremban.

'KPDN arah audit 354 pembungkus'

PUTRAJAYA — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) tegas dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan berhubung isu penyelewengan minyak masak bersubsidi terutamanya di sempadan negara.

Ketua Setiausaha, Datuk Azman Mohd. Yusof berkata, pihaknya memandang serius isu itu dan melalui Bahagian Penguat Kuasa sentiasa melaksanakan pemantauan di seluruh negara termasuklah di negeri-negeri yang bersempadan dengan negara jiran.

Katanya, pemeriksaan dan pemantauan dilaksanakan melibatkan pelbagai peringkat termasuklah di peringkat runcit, syarikat pemborong dan pembungkus minyak masak bersubsidi serta pengilang.

"Berdasarkan statistik penguatkuasaan sejak lima tahun lalu bermula pada 2019 sehingga 30 Jun lalu, sebanyak 730 kes melibatkan minyak masak telah diambil di seluruh negara melibatkan nilai rampasan berjumlah RM16.79 juta.

"Antara kesalahan yang dikesan adalah berniaga barang kawalan tanpa lesen, gagal menyelenggara buku stok dan mengejukakan dokumen palsu," katanya semalam.

Ujarnya, berdasarkan statistik bagi tempoh sama juga, sebanyak 227 kes telah dihasilkan khusus bagi barang kawalan minyak masak yang babit



KERATAN Kosmo! 9 Julai 2023.

nilai rampasan RM658,397.

Jelasnya, bermula 1 Januari lalu, KPDN telah mewajibkan penggunaan sistem eCQSS kepada seluruh rantai bekalan minyak masak peket subsidi.

"Sistem ini merekodkan transaksi seperti kuantiti dan harga jualan di setiap peringkat rantai iaitu daripada kilang penapisan, syarikat pembungkuhan, pemborong dan peruncit.

"KPDN akan mengerakkan jentera penguatkuasanya di seluruh negara bagi menjalankan pengauditan terhadap 354 pembungkus minyak masak bersubsidi (COSS) bagi memastikan mereka mematuhi perundungan dikuatkuasakan KPDN," katanya.

Ujarnya, bagi memastikan tindakan penguatkuasaan berhubung penyelewengan minyak masak subsidi ini dapat diatasi secara holistik terutamanya yang berlaku di sempadan negara, KPDN sentiasa bekerjasama dengan agensi lain.

Terdahulu, Kosmo! melaporkan rakyat Malaysia susah membeli minyak peket subsidi satu kilogram tetapi banyak diperolehi di sempadan negara.



GAMBAR fail minyak masak peket bersubsidi yang dijual di negara jiran baru-baru ini.



DANG MERDUWANI menunjukkan minyak masak peket yang dibelinya di sebuah pasar mini di Sungai Petani semalam.

Pengguna terkesan, peniaga hadkan pembelian

Minyak masak peket kembali sukar didapati

Oleh OTHMAN YAHAYA

SUNGAI PETANI – Isu kekurangan minyak masak paket kembali menghantui pengguna berikutan barang itu sukar didapati di premis perniagaan sejak minggu lalu.

Tinjauan mendapati walau-pun harga jualan pada kadar biasa iaitu RM2.50 sepeket, namun pengguna mula tertekan berikutan peniaga mengenakan catuan dengan hanya memberiarkan tiga paket dibeli dalam satu-satu masa.

Peniaga khususnya di kedai borong atau pasar mini turut mengehadkan bilangan jualan minyak masak peket harian mereka membuatkan pengguna khususnya peniaga kecil berasaskan makanan bermasak terpaksa mencari di lokasi lain.

Seorang peniaga kedai makan, Dang Merduwani Tajuddin, 38, berkata, sejak seminggu lalu, dia mengalami masalah mendapatkan minyak masak peket untuk penyediaan menu lauk-pauk di sebuah medan selera di sini.

“Saya memerlukan lebih kurang 10 peket minyak masak sehari dan jika gagal mendapatkannya, sudah tentu perniagaan saya akan terjejas.

“Disebabkan ia dicatuh saya terpaksa bergilir-gilir dengan pembantu mengunjungi sebanyak mungkin premis untuk mendapatkannya,” katanya.

Peniaga kuih, Salmah Rahim, 48, dari Taman Ria Jaya, di sini berkata, barang itu mula sukar didapati minggu lalu dan jika ada pun peniaga tidak membenarkan ia dibeli dalam kuantiti banyak seperti kebiasaan.

“Di kedai runcit berdekatan kediaman saya, minyak peket itu hanya dibenarkan dibeli dua peket seorang.

“Walaupun saya, merayu mengatakan barang itu perlu untuk penyediaan kuih-muih, namun peniaga beri alasan dia kehabisan stok kerana bekalan dihantar pemborong sedikit,” katanya.

Peniaga kedai makan di Taman Arked, di sini, Salimah Salim, 39, berkata, dia hairan kerana minyak masak peket dan pelbagai barang subsidi lain sentiasa mengalami kekurangan bekalan di pasaran.

“Sepatutnya pihak berkuasa memantau keadaan ini kerana ia akan memberi kesan kepada hidupan sehari-hari pengguna yang telah terbeban dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang,” katanya.



KEGIATAN menyeludup 43,000 liter diesel bersubsidi terbongkar dalam serbuan di Kuala Langat minggu lalu.

Seludup 43,000 liter diesel subsidi

KUALA LANGAT — Sebuah lori tangki yang diletakkan dalam keadaan mencurigakan di hadapan sebuah premis di Jalan Sungai Rambai, Jenjarom di sini, membongkar kegiatan penyeludupan diesel bersubsidi baru-baru ini.

Perkara itu terbongkar merentasi serbuan dijalankan pihak polis kira-kira pukul 3.40 petang pada 6 Julai lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendant Ahmad Ridhwan Mohd. Nor@Saleh berkata, pemeriksaan pihaknya mendapati tangki lori itu berisi diesel yang dianggarkan seberat

25,000 liter.

Katanya, empat individu terdiri daripada pemandu lori dan tiga pekerja premis berusia 33 hingga 48 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

"Polis turut merampas pelbagai peralatan dipercaya digunakan bagi menjalankan kegiatan penyeludupan diesel bersubsidi."

"Rampasan turut melibatkan 18 buah tangki minyak berisi 1,000 liter setiap tong, satu unit mesin meter penyukat minyak dan sebuah lori," katanya di sini semalam.

Beliau memberitahu, pemeriksaan awal mendapati jumlah

keseluruhan minyak diesel dirampas berjumlah 43,000 liter.

Beliau menjelaskan, siasatan mendapat mereka telah aktif melakukan aktiviti tersebut sejak tiga bulan lalu.

"Semakan mendapat dua daripada suspek yang ditanah mempunyai rekod lampau berkaitan jenayah dan dadah."

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961," ujarnya.

Tambah beliau, kes itu diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) bagi tindakan lanjut.

Cubaan seludup 150 liter bahan api gagal

TUMPAT - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kelantan merampas 150 liter bahan api yang cuba diseludup ke negara jiran selepas menahan dua buah kereta dalam serbuan berasingan berkait aktiviti penyeludup di sini pada Isnin.

Serbuan pertama pada jam 9.30 pagi, sebanyak 50 liter minyak diesel dirampas selepas menahan pacuan empat roda jenis Mitsubishi Pajero berhampiran tali air di Kampung Pak Keral di sini.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, menyedari kehadiran anggota penguat kuasa, pemandu kereta tersebut telah bertindak melarikan diri.

"Pemeriksaan yang dijalankan membawa kepada penemuan 50

liter minyak diesel dengan nilai rampasan sebanyak RM107," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Menurut beliau, serbuan kedua pada jam 12.30 tengah hari pihaknya berjaya menahan sebuah Perodua Kenari di jalan Kampung Jejuluk.

Ujarnya, bagaimanapun pemandu kereta tersebut berjaya meloloskan diri sebaik sahaja menyedari kehadiran anggota penguat kuasa.

"Pemeriksaan ke atas kereta itu telah menjumpai 100-liter minyak petrol dengan nilai rampasan sebanyak RM205," katanya.

Azman memberitahu, KPDN Kelantan akan mengambil tindakan tegas bagi membendung kegiatan jenayah ini.



Sebuah kenderaan milik penyeludup yang terjatuh ke dalam tali air ketika cuba milarikan diri daripada penguat kuasa KPDN di Kampung Pak Keral, Tumpat.

Menu Rahmah jadi pilihan pelajar IPT

Jimatkan kos perbelanjaan pelajar serta pelanggan berpendapatan rendah

KOTA BHARU

Inisiatif Menu Rahmah yang diperkenalkan oleh kerajaan, menjadi pilihan terutamanya dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi di sekitar bandar ini selain menjadi pilihan pelanggan golongan berpendapatan rendah (B40).

Pemilik Ayang Cafe Nor Hazeliza Mamat, 45, berkata, keadaan itu membolehkan peniagaan restorannya yang sebelum ini suram selepas pasca Covid-19, kembali rancak sehingga mampu meraih hampir RM1,000 sehari menerusi 10

Menu Rahmah yang ditawarkan. "Menu Rahmah menjadi pilihan pelanggan memandangkan setiap set iaitu nasi ayam gulai dengan teh o ais, set roti ayang dengan teh o ais dan nasi kerabu bersama teh o ais cuma berharga RM5.

"Pada masa yang sama, saya berharap kerajaan dapat memantau harga barang basah dan keperluan harian dari semasa ke semasa agar ia tidak membebankan peniaga yang mengambil bahagian menawarkan Menu Rahmah dan peniaga pula mendapat pulangan modal," katanya ketika ditemui di sini pada Selasa.

Sementara itu Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UITM) Kelantan Nik Muhammad Luqman Al-Hakim, 23, berkata Menu Rahmah yang ditawarkan oleh peniaga menjadi penyelamat bagi golongan pelajar sepertinya.

"Menu berkhasiat merangkumi nasi, ayam atau ikan



Nor Hazeliza menunjukkan salah satu Menu Rahmah yang dijual di kedainya berharga RM5 ketika ditemui di Ayang Cafe, Kota Bharu pada Selasa.

dan sayur hanya dijual serendah RM5 termasuk minuman sememangnya mampu menjimatkan kos perbelanjaan harian pelajar dan saya berharap agar menu ini diperkenalkan dengan

lebih meluas," katanya.

Bagi peniaga ayam, Zarina Abdullah, 50, Menu Rahmah bukan sahaja dapat memberi impak positif kepada pengusaha kedai makan, bahkan ia turut memberi

manfaat kepada pembekal barang mentah.

Menurutnya beliau dapat menjual antara 150 sehingga 200 ekor ayam mentah kategori rahmah yang berharga sekitar RM15 seekor kepada hampir tujuh pengusaha kedai yang menawarkan Menu Rahmah di sekitar Kota Bharu.

"Kebiasaan pengusaha kedai makan akan menempah sehari sebelum untuk mendapatkan ayam mentah kategori rahmah yang bersaiz lebih kecil berbanding ayam bersaiz biasa yang dijual di pasar," katanya.

Sementara itu, Pengarah KPDN negeri, Azman Ismail berkata, sehingga kini terdapat lebih 100 premis makanan di seluruh Kelantan menawarkan Menu Rahmah.

"Daripada jumlah itu, Kota Bharu mempunyai premis terbanyak yang menawarkan menu berkenaan, diikuti Pasir Mas, Tanah Merah, Jeli, Machang, Kuala Krai dan Gua Musang," katanya. - Bernama

Empat ditahan seludup diesel subsidi

Shah Alam: Polis menahan empat lelaki dipercayai terbabit dalam sindiket penyecludupan diesel bersubsidi membabitkan rampasan bahan api itu berjumlah 43,000 liter di sebuah premis stor di Jalan Sungai Rambai, Jenjarom, dekat sini, 6 Julai lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendant Ahmad Ridhwan Mohd Nor@Saleh berkata, kesemua yang berusia 33 hingga 48 tahun itu ditahan pada jam 3.40 petang selepas pihaknya mendapat maklumat berkaitan sebuah lori tangki minyak dalam ke-

adaan mencurigakan di sebuah premis di sekitar kawasan kilang.

"Hasil pemeriksaan terhadap lori berkenaan mendapati tangkinya dipenuhi kira-kira 25,000 liter cecair dipercayai diesel bersubsidi. Selain itu, satu lori jenis *bonded*, 18 tong minyak bersisi diesel bersaiz 1,000 liter setiap satu tong dan satu mesin meter penyukat turut dirampas," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, jumlah keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai kira-kira RM320,000. - Bernama

Menu Rahmah boon in Kelantan

KOTA BHARU: Since the Menu Rahmah initiative was introduced by the government in January, it has become the go-to meal for low-income earners and students of higher learning institutions around the city.

Ayang Cafe owner Nor Hazelizan Mamat, 45, said her business, which had been slow post-Covid-19, has now returned to full capacity and she could earn almost RM1,000 a day.

"My customers prefer Menu Rahmah because each set of rice and chicken with iced tea, or 'roti ayang' with iced tea or 'nasi kerabu' with iced tea only costs RM5.

"At the same time, I hope the government could monitor the price of perishable goods and daily necessities from time to time so that it doesn't burden traders who take part in the Menu Rahmah initiative," she said.

Universiti Teknologi Mara Kelantan student Nik Muhammad Luqman Al-Hakim, 23, described Menu Rahmah meals offered by traders as a "saviour" for students like him.

"A complete menu that includes rice, chicken or fish, vegetables and a drink is available for as low as RM5.

"This could help students save on their daily expenses and I hope this initiative will be expanded so that it could reach out to more people," said the student representative council president.

Chicken trader Zarina Abdullah, 50, said the Menu Rahmah initiative is not only able to bring a positive effect to restaurant operators but also to suppliers of raw materials.

She said she supplies between 150 and 200 chickens for about RM15 each to seven eateries that serve Menu Rahmah.

Kelantan Domestic Trade and Cost of Living Ministry director Azman Ismail said as of yesterday, more than 100 food premises throughout Kelantan were offering Menu Rahmah meals. - Bernama



MEDIA ONLINE (KPDN)

12 JULAI 2023 (RABU)

BERITA ONLINE BERTARIKH 12 JULAI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Jul	Kadar inflasi mereda, KPDN komited menekang kenaikan harga barang yang tidak terkawal	https://suaramerdeka.com.my/kadar-inflasi-mereda-kpdn-komited-menekang-kenaikan-harga-barang-yang-tidak-terkawal/	SUARAMERDEKA
12-Jul	Inflation rate drops to 2.8 per cent in May, govt pledges to continue price control	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/07/929863/inflation-rate-drops-28-cent-may-govt-pledges-continue-price-control	NST
12-Jul	Inflasi negara lebih rendah sejak pentadbiran Kerajaan Perpaduan	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/07/1125181/inflasi-negara-lebih-rendah-sejak-pentadbiran-kerajaan-perpaduan	BH
12-Jul	Sidang Media KPDN Berkenaan Isu Harga Barang 11 Julai 2023	https://www.youtube.com/live/YYQkZFaU_L4?feature=share	BULETINTV3
12-Jul	Sidang Media KPDN Berkenaan Isu Harga Barang 11 Julai 2023	https://www.youtube.com/live/8fKMZCdKrwc?feature=share	ASTROAWANI
12-Jul	Barangan Asas: Tiada kenaikan hingga hujung tahun - Salahuddin	https://youtu.be/clvvgJq8RcE	ASTROAWANI
12-Jul	Tiada kenaikan melampau harga barang hingga hujung tahun - KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/986571/tiada-kenaikan-melampau-harga-barang-hingga-hujung-tahun-kpdn	HM
12-Jul	Kerajaan jamin harga barang tak naik melampau hingga hujung tahun	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/07/1125221/kerajaan-jamin-harga-barang-tak-naik-melampau-hingga-hujung-	BH
12-Jul	Kerajaan jamin tiada kenaikan harga barang hingga hujung tahun	https://www.kosmo.com.my/2023/07/11/kerajaan-jamin-tiada-kenaikan-harga-barang-hingga-hujung-	KOSMO

12-Jul	Industri komited tak naik harga 'melampau', kata menteri	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/11/industri-komited-tak-naik-harga-melampau-kata-menteri/	FMT
12-Jul	No steep price hikes for goods till year end, says minister	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/07/11/no-steep-price-hikes-for-goods-till-year-end-says-minister/	FMT
12-Jul	Kerajaan jamin harga barang tak naik hingga hujung tahun	https://malaysiagazette.com/2023/07/11/kerajaan-jamin-harga-barang-tak-naik-hingga-hujung-tahun/	MALAYSIAGAZETTE
12-Jul	Kerajaan jamin tiada kenaikan harga secara melampau, kata Salahuddin	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/451805	THEMALAYSIANINSIGHT
12-Jul	Salahuddin: Govt assures no extreme price hikes this year	https://www.thesundaily.my/local/salahuddin-govt-assures-no-extreme-price-hikes-this-year-KD11213548	THESUNDAILY
12-Jul	Kerajaan jamin tiada kenaikan harga secara melampau, kata Salahuddin	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2205401	BERNAMA
12-Jul	Govt assures no extreme price hikes this year	https://bernama.com/en/news.php?id=2205446	BERNAMA
12-Jul	KPDN tegaskan tiada kenaikan harga barang	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/kpdn-tegaskan-tiada-kenaikan-harga-barang/	UM
12-Jul	Minyak ini RM28.90 sahaja, bawah harga kawalan, kata Salahudin	https://harapandaily.com/minyak-ini-rm28-90-sahaja-bawah-harga-kawalan-kata-salahudin/	HARAPANDAILY
12-Jul	PRN: Harga barangans asas tidak akan naik sehingga hujung tahun - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/prn-harga-barangan-asas-tidak-akan-naik-sehingga-hujung-tahun-salahuddin-427583%3famp=1	ASTROAWANI
12-Jul	Bakul Rahmah bukti kerajaan prihatin	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/267635	SH

12-Jul	Menu Rahmah jadi ‘buruan’, bantu rancakkan perniagaan kedai makan	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/267591	SH
12-Jul	Menu Rahmah jadi buruan bantu rancakkan perniagaan kedai makan	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2205329	BERNAMA
12-Jul	Aduan KPDN buatkan peniaga di Tik-Tok ‘gelabah’ – Pengguna bijak	https://mediavariasi.com/2023/07/aduan-kpdn-buatkan-peniaga-di-tiktok-gelabah-pengguna-bijak/	MEDIAVARIASI
12-Jul	Tunggu tudung bawal batu tak sampai-sampai, pelanggan buat aduan KPDN - “Seller dah gelabah, terus dia pos semua”	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/07/11/tunggu-tudung-bawal-batu-tak-sampai-sampai-pelanggan-buat-aduan-kpdn---seller-dah-gelabah-terus-dia-pos-semua	MSTAR
12-Jul	Tunggu tudung bawal batu tak sampai-sampai, pelanggan buat aduan KPDN - “Seller dah gelabah, terus dia pos semua”	https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=pfbid0F2acudv23PUBtJkTE1kJyWU8HF1ve2ffhUixM8JbyEoBVKGN9TeQ72geA3TdmpURI&id=100078212503123	FB
12-Jul	Seludup 43,000 liter diesel subsidi	https://www.kosmo.com.my/2023/07/11/seludup-43000-liter-diesel-subsidi/	KOSMO
12-Jul	KPDN tegas laksana penguatkuasaan penyelewengan minyak masak peket	https://malaysiagazette.com/2023/07/11/kpdn-tegas-laksana-penguatkuasaan-penyelewengan-minyak-masak-peket/	MALAYSIAGAZETTE
12-Jul	KPDN to work with other agencies to curb smuggling of subsidised cooking oil	https://www.thesundaily.my/local/kpdn-to-work-with-other-agencies-to-curb-smuggling-of-subsidised-cooking-oil-PD11215903	THESUNDAILY

12-Jul	KPDN tegas laksana penguatkuasaan isu penyelewangan minyak masak bersubsidi	https://www.kosmo.com.my/2023/07/11/kpdn-tegas-laksana-penguatkuasaan-isu-penyelewangan-minyak-masak-bersubsidi/	KOSMO
12-Jul	Prices of essential goods to remain stable	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/11/prices-of-essential-goods-to-remain-stable	THSTAR
12-Jul	Salahuddin Ayub Pantau Harga Bahanangan Asas di Pasaraya	https://malaysiagazette.com/2023/07/11/salahuddin-ayub-pantau-harga-barangan-asas-di-pasaraya/	MALAYSIAGAZETTE
12-Jul	Empat lelaki ditahan seludup diesel bersubsidi	https://malaysiagazette.com/2023/07/11/empat-lelaki-ditahan-seludup-diesel-bersubsidi/	MALAYSIAGAZETTE